

Newspaper	Berita Harian
Date	30/1/2012

Sapeia bebas tuduhan 'sembur' Dr Mahathir

Hakim Mahkamah Tinggi ketepi hukuman 6 bulan penjara



NIK SAPEIA bersama Suriani sejurus keluar dari Mahkamah Tinggi Kota Bharu, semalam.

Oleh Norliza Wasilan
norlizawasilan@bharian.com.my

KOTA BHARU: Mahkamah Tinggi, di sini semalam melepas dan membebaskan ahli perniagaan, Datuk Nik Sapeia Nik Yusoff, 58, daripada pertuduhan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap empat individu termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad dengan menyembur bahan pemedih mata, pada Julai 2006.

Keputusan itu dibuat selepas Hakim Datuk Mariana Yahya membenarkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman penjara enam bulan yang dijatuhkan di Mahkamah Majistret, dua tahun lalu.

Mariana dalam penghakimannya mendapati majistret khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mensabitkan Nik Sapeia yang juga perayu dalam kes berkenaan dengan kesalahan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksanan.

"Keputusan sabitan hukuman

(terhadap Nik Sapeia oleh majistret sebelum ini) diketepikan dan rayuan dibenarkan. Oleh itu, perayu dibebaskan dan dilepaskan daripada sabitan pertuduhan seperti dipertuduhkan ke atasnya," katanya dalam penghakimannya lebih sejam.

Berdasarkan pertuduhan, Nik Sapeia yang juga Naib Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) dituduh sengaja menyebabkan ke-

"Keputusan sabitan hukuman diketepikan dan rayuan dibenarkan. Oleh itu, perayu dibebaskan dan dilepaskan daripada sabitan pertuduhan seperti dipertuduhkan ke atasnya"

Mariana

Yahya
Hakim

cederaan terhadap empat individu termasuk Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pangkalan Chepa, kira-kira 11 pagi, 28 Julai 2006.

Tiga individu lain itu ialah Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali; Mohd Nasir Muda dan Suberi Sahidan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Idham Abd Ghani dan Lailawati Ali, manakala Nik Sapeia diwakili peguam Datuk Seri Mohammad Shafee Abdullah; Datuk Ramli Yusoff; Badrul Munir; Y Sheelan Samuagam; dan Zainal Abidin Mustaffa.

Sebaik Mariana membuat keputusan itu, Nik Sapeia yang berada di kandang tertuduh mengalirkan air mata sebelum dipeluk oleh isterinya, Datin Suriani Yahya, anak dan penyokongnya.

Isteri dan anak ahli perniagaan yang duduk di barisan depan galeri awam itu turut sebak sehingga mengalirkan air mata sebaik dimaklumkan mengenai keputusan berkenaan.